

Daripada
Penulis Buku Best
Seller 2014 dan 2015

DIAGNOSIS
DIAGNOSIS?

DIAGNOSIS APOKALIPS

2 DR. ANWAR FAZAL DR. AIZZAT DR. AZAH DR. MAFEITZ
ATIN LIYANA DR. BENI RUSANI DR. MAHYUDDIN DR. LUTFI
DR. ZY MASRI DR. KHAIRUL HAFIDZ DR. SYAMIRULAH
DR. DHESI OPNS MOFRUST

DATA OLEH KETUA PENGARAH KESIHATAN DATUK DR. NOOR HISHAM B. ABDU

WhiteCoat

www.whitecoat.com.my

DIAGNOSIS²

MPH Best of 2015

365

MPH Best of 2015



<http://www.facebook.com/whitecoatent/>



@whitecoatent



@whitecoateffect



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DR. MAHATHIR MOHAMAD

DIAGNOSIS

APOKALIPS

PUSTAKA PERDANA



1011150

N



WhiteCoat



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

100

155

DIAGNOSIS APOKALIPS © 2016 oleh WhiteCoat Enterprise

Diterbitkan oleh:

WhiteCoat Enterprise (CA0211266-W)

No 6, Jalan Bukit Indah 2/17,

Taman Bukit Indah,

68000, Ampang,

Selangor

ISBN 978-967-13073-2-8

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada pihak WhiteCoat Enterprise

Hakcipta karya adalah milik penulis-penulis. Segala cerita di dalam buku ini hanyalah rekaan semata-mata. Nama, watak, syarikat, tempat atau kejadian adalah berdasarkan imaginasi penulis sendiri. Sekiranya terdapat persamaan, ia hanyalah kebetulan.

Cetakan pertama: Mac 2016

10 9 8 7 6 5 4 3 2 1

Reka grafik muka depan: Dr. Aizzat

Reka buku dan layout: Dr Aizzat

Editor: Dr. Anwar Fazal, Dr. Aizzat

Proof-read (English): Nur Atiqah bt. Mohd Isa

Untuk maklumat lanjut mengenai DIAGNOSIS APOKALIPS boleh lawati www.whitecoat.com.my atau menghantar e-mail ke alamat whitecoatenterprise@gmail.com

Dicerak oleh:

Pioneer Printing & Trading

208-881



"Untuk insan-insan terpilih yang diuji dengan musibah."





FOREWORD FROM THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Looking back in time, stretching from late December 2014 till early January 2015, Malaysia witnessed one of its worst flood disasters in history. Many Malaysians including our very own Ministry of Health staff experienced extensive losses and to date they are still in the process of recovery. There were those who suffered partial or total losses of their homes and livelihoods, with priceless lifetime possessions and mementos painstakingly collected over the years lost in the raging floodwaters.

It is important that we document the historical events such as these disastrous floods in whichever way possible, albeit through scientific writing, technical reports and non-fictional writing. Adding on to this, it is encouraging to know that there are young talented medical doctors with flair in storytelling who are sharing fictionalised accounts of their own work experiences and real-life events during the disaster. Examining historical events from multiple perspectives gives a richer and fulfilling experience to the reader. It also presents the complexity of the issues and may help us to relate to the pain and sufferings of those involved on a more personal level.

There were also many unsung heroes who had selflessly sacrificed their energy, time and material possessions in helping those in need during the floods. As such, we will forever be indebted to these individuals for their altruistic contributions and noble deeds.

I would like to applaud the authors and publisher who have indicated that the total profit from book sales will be donated to the unfortunate flood victims. Your magnanimous act certainly shows your heart is in the right place for the betterment of healthcare in this country.

Fastaqim kama umirta

Datuk Dr Noor Hisham Abdullah
Director General of Health Malaysia
May 2015

11 Dr. Fatin Liyana

21 Dr. Anwar Fazal

33 Dr. Lutfi Fadli

59 Dr. Azah Isa

65 Dr. Mahyuddin

86 Dr. Mafeltz

100 Dr. Dhesi

117 OPNS

124 Dr. Khairui Hafidz

138 Dr. Syamirulah

147 MOFrust

152 Dr. Zy Masri

157 Dr. Beni Rusanli

171 Dr. Alzzat





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DR. FATINLIYANA

MEHNAH

*Minum susu dan makan roti 'air tangan' suami akan buat sayang jadi sihat dan kuat sepanjang hari!:)
Jangan lupa breakfast ok?!
Love you!
-Your Superman-*

AKU TERSENYUM TATKALA MEMBACA NOTA KECIL TULISAN BUAH HATIKU. Tersedia segelas susu suam bersama dua keping roti *wholemeal* di atas meja. Setiap hari, sebelum dia ke surau untuk menunaikan solat Subuh, pasti akan disiapkannya segelas susu dan roti buat sarapanku kerana dia tahu, sebaik sahaja aku melangkahhkan kaki ke hospital, aku pasti akan lupa untuk mengisi perut dan lupa semuanya dek tugasan yang tidak putus-putus kunjung tiba.

* * * *

“Awal-awal trimester ni, janin puan masih belum kukuh. Pastikan puan ambil makanan yang berkhasiat dan jangan kurang tidur. Rehat kena cukup ya. Jangan lasak-lasak sangat. Saya jumpa puan lagi 4 minggu inshaaAllah ok?” Aku memberikan preskripsi ubat kepada pesakitku sebelum beliau meninggalkan bilikku.

“Kak Nah, berapa ramai *patient* lagi kita ada hari ni?” Laungku kepada pembantu kesihatan yang sudah ku anggap seperti kakakku sendiri.

“Dah habis doktor. Itu *patient* terakhir kita.”

“Alhamdulillah Kak Nah. Lambat juga habis klinik kita hari ini ya. Ingatkan musim-musim banjir ni tak ramai pesakit. Silap perkiraan. Hehe. Saya naik wad dulu tau, nak *settlekan ward work* pula. *Thank you Kak Nah for today.*”

“Doktor, cuba-cubalah bawa berehat. Doktor tu kan mengandung. Kak Nah tengok dari pagi tadi doktor tak makan apa-apa. Minum seteguk air pun tidak. Terus jumpa *patient* yang datang berduyun-duyun tak berhenti. Sekarang nak naik wad pula sambung kerja lagi!”

Aku hanya tertawa kecil.

“*Don't you worry*, Kak Nah! Suami saya ada bekalkan roti pagi tadi.” Jawabku sambil menepuk-nepuk poket *whitecoatku* yang berisi roti bekalan suami. Sebelum berpaling penuh, sempat aku melihat Kak Nah menggeleng-gelengkan kepalanya dengan tangannya ditadah gaya berdoa.

“Amin. Amin Ya Rob.”

* * * *

“Doktor Farah ! Doktor! Saya rasa *patient bed 8* tu macam tengah *bearing down!*”

Jeritan staff nurse yang lantang itu berjaya memecah keheningan wad 2A yang baru ‘aman’. Aku yang sedang mengambil darah pesakit di *cubicle* sebelah tersentak lantas membuka semula ikatan *torniquet* di tangan kiri pesakit. Terbantut hasratku untuk mengambil darah.

“Maafkan saya puan, saya ada kes kecemasan. Kejap lagi saya datang balik untuk ambil darah puan ya?”

Aku bergegas menuju ke katil no 8. Sambil berlari, aku cuba mengingat kembali *history patient* tersebut;



22 y/o Myanmar

G1P0¹ at 39 week 2 days.

Antenatally²: Uneventful.

Came in with show and contraction pain with os³: 2cm.

Four hours later she progressed to 3 cm.

Ya! Aku pasti. Sambil terkumat-kamit mengira, aku menganggarkan baru 2 jam lepas bukaannya 3 cm.

“Mana mungkin..*Patient* ni *primid*⁴. Macam mana boleh cepat sangat dia *progress* ke *fully*. Tak *enter active phase* pun lagi, *at least 7 hours*..” Getus hati kecilku.

Setibanya aku di katil 8, pesakitku sudah menjerit-jerit kesakitan. Keadaannya tak ubah seperti dalam histeria dan tak keruan. Rambutnya yang dibunjut habis kusut masai. Mukanya pucat lesi. Pakaian hospital berwarna hijau yang dipakai bersama kain sarung sudah londeh akibat pergerakannya yang agresif.

Dihentak-hentakkan kakinya setiap kali *contraction*. Suaminya yang juga berbangsa Myanmar cuba menenangkan isterinya dalam bahasa ibunda mereka juga tidak berjaya. Setiap kali *contraction*-nya datang, esak tangisnya jadi lebih kuat sambil menjerit

“Sakit!!!!!!”

“Kasi keluar!! Kasi keluar!!”

Jeritannya terlalu kuat dan bingit sehingga beberapa bayi yang sedang tidur di katil-katil berdekatan mula menangis.

“Oh, *no*.. *Difficult patient*... Mana dengan *language barrier* lagi.. Lain macam *patient* ni... Macam tengah *bearing down* gayanya.”

“Staff nurse, ambulkan VE⁵ set. Saya nak buat *bedside* VE.” Jeritku dari sisi katil pesakit.

Aku berkira-kira sendiri sambil memakai *steriled glove*. Aku cuba berlagak tenang untuk mengawal keadaan.

¹ G1P0; Gravidia 1 Para 0: kandungan pertama

² Antenatally: ketika mengandung

³ Os: bukaan rahim

⁴ Primid: istilah bagi kandungan pertama

⁵ VE: pemeriksaan bukaan rahim

“Maaf Puan Daw Aye, biar saya check bukaan bawah puan ya... *Relax ok.. Relax..*”

“Ya Allah, *fully! Someone please call the labour room now! Now! Now! We're going to push the patient now! She's going to deliver soon!*”

Dengan sekelip mata wad yang begitu tenang asalnya menjadi huru hara seperti dalam pertempuran bertarung nyawa. Staff nurse bersama seorang pembantu kesihatan berlari-lari ke arahku dan bersedia untuk menolak katil pesakit menuju ke lif. Seorang lagi staff nurse berlari ke kaunter untuk menelefon *labour room* supaya *midwives* di sana juga sudah bersedia dengan kehadiran kami. Para pesakit lain terpinga-pinga mengintai di sebalik tirai untuk mengetahui apa yang sebenarnya berlaku. Aku turut menolak katil pesakit bersama mereka.

“Doktor tak payah! Biar kami je yang tolak. Doktor pregnant!”

“Takpe! Takpe! Saya takut dia *deliver* dalam lif je! *At least* apa yang saya boleh buat ialah ikut sama sampai *labour room* untuk *pass over the case!*” Aku tidak mengendahkan nasihat staff nurse itu. Dua nyawa perlu dijaga dan dalam kawalanku.

Laju, memang laju kami menolak katil pesakit menuju ke lif yang letaknya di bangunan bersebelahan yang lagi satu sehingga terasa senak di bahagian perutku.

“Kita bekerja dalam *department* yang paling bahaya dan semuanya harus pantas. Ingat, kita berdepan dengan dua nyawa – Ibu dan anak. Dua-dua harus kita jaga sebaiknya. Inilah *department* yang pesakit selalunya jika tiada apa-apa masalah datang dengan keadaan sihat dan jangan kita *discharge* mereka dalam keadaan sebaliknya. Misi kita: masuk sihat, keluar sihat. Faham semua?”

Entah kenapa dalam keadaan genting itu tiba-tiba terngiang-ngiang suara doktor pakar yang menjaga kami; para doktor pelatih semasa dia membuat ucapan pada hari orientasi jabatan tempoh hari.

Kalau diikutkan hati, aku juga risaukan kandungan yang kubawa ini. Namun atas dasar tanggungjawab dan atas dasar kemanusiaan, aku tidak sanggup untuk lepas tangan. Mereka datang ke hospital menyerahkan segala kepercayaan kepada insan yang bergelar doktor seperti aku dengan sejuta harapan. Aku tidak mahu mensia-siakan kepercayaan mereka.

Lagi-lagi bila terbayang satu persatu wajah ahli keluarga pesakitku yang sedang menangis dan menundukkan badan mereka padaku sebagai tanda hormat serta pengharapan. Itu semua membuatkan aku terpaksa melupakan kehendak dan keperluan diriku buat sementara waktu.

“Robbi Yassir Wala Tu’assir.” Berulang-ulang aku membaca doa meminta Allah memudahkan dan jangan dipersulitkan.

“Wamahyaya wamamati.. Lillahi Robbil A’lamin.” *Hidupku..Matiku.. hanya untukMu Ya Allah..Selamatkan kandunganku. Hanya padaMu aku berserah, Tuhanku.*

Perlahan aku berdoa sambil menyeka air mata.

‘Tingg’
Pintu lif terbuka

Kami menolak katil pesakit cepat-cepat ke dalam lif. Aku lihat pesakitku kembali mengerang kesakitan dan kali ini lebih ‘gila’. Ditendang-tendangnya besi penghadang katil. Dari caranya bernafas, aku menjangka kepala bayi sudah berada di ‘bawah’.

“Daw Aye, tahan! *Don’t push!*”
“*Listen to me! Don’t push!!*”

Daw Aye sama sekali tidak mengikut arahan. Matanya dipejam ketat. Mulutnya diketap rapat. Dia tidak mengendahkan kami dan terus meneran. Kami merapatkan kedua-dua belah kakinya untuk mengelakkan dia dari terus meneran.

“Lambatnya lif ni kak? Kenapa tak bergerak-gerak ni?”

Lif masih menunjukkan nombor ‘2’ dari tadi. Aku menekan butang ‘1’ berkali-kali. Tiada respon. Aku menekan pula butang ‘buka’. Tiada respon.

“Lif rosak ke apa ni?”

“Ya Allah janganlah Kau uji kami dalam keadaan begini, Ya Allah.. Kami ada 2 nyawa yang perlu diselamatkan...”

Aku mencapai telefon bimbitku dan cuba menghubungi MO⁶ yang bertugas pada malam itu. Tiada signal. Aku mencuba sehingga 6 kali, namun hampa. Tiada langsung *signal* yang tertera di skrin telefon bimbitku.

⁶ MO: medical officer

“Kak Siah dan Kak Ruby punya phone ada line?”

Masing masing menyeluk saku untuk menelek phone masing-masing. Sekali lagi hampa.

“Takde doktor. Kak Ruby pun takde. Semenjak banjir 2 hari lepas, memang susah nak dapat *signal*, doktor. Kadang-kadang tu sampai sehari langsung tak dapat *signal*! Kak Ruby rasa lif kita ni tak dapat berfungsi sebab paras air makin naik. Mungkin sistem lif *shut down*.”

Aku menutup muka. Aku tak sepatutnya naik lif dalam keadaan banjir begini. Walaupun wad kami tidak dinaiki air, namun aku pasti sistem lif tergendala kerana ada litar pintas yang berlaku di pencawang utama. Itu cerita yang kudengar pernah berlaku dari rakan-rakan sejawat dahulu.

Aku buntu. Terlalu runsing. Namun aku tahu, buntu dan runsingku tidak dapat menyelamatkan nyawa ibu dan anak. Masa semakin bergerak pantas dan aku harus bertindak. Aku menoleh ke arah Daw Aye.

“Doktor !! Tolong saya !! Tolong !! Sakittt...sakittt...”

Aku menarik nafas dalam-dalam, “This is it! Robbi yassir wala tua’ssir”

“Kak, saya terpaksa *deliver*-kan Daw Aye kat sini jugak. Nak tunggu lif ni terbuka sendiri, entah bila lagi. *At least, we must get the baby out first!*”

“Tapi doktor, kita takde *suction* dan *warmer*! Nanti baby *hypothermia*⁷ macam mana? Lagi-lagi pulak kita takde *equipment* yang *sterile*⁸ dan lengkap untuk sambut kelahiran.” Kak Ruby mencelah.

“Kak, ini namanya darurat. Nanti *once the baby out*, ambil *blanket* dan terus *wrap the baby*. Saya *estimate baby* ni kecil je, jadi inshaa Allah tak perlu *episiotomy*⁹.”

Aku menyeluk saku *whitecoat*-ku, meraba-raba mencari apa yang ada. Ada *glove*, beberapa keping *gauze*, gunting kecil dan dua keping roti *wholemeal* yang dibungkus kemas dalam *sandwich bag* oleh suaminya. Tidak sempat kumenjamah air tangan suaminya dari Subuh tadi.

⁷Hypothermia: suhu di bawah 36 darjah

⁸Sterile: bersih dari kuman

⁹Episiotomy: guntingan yang dilakukan di perineum untuk memudahkan kelahiran

Aku terbayang wajah suamiku yang sering kaya dengan senyuman dan kata-kata motivasi.

“Sayang, doakan I..”

“Ya Allah, tolonglah hambamu ini..”

Jika bukan aku siapa lagi. Inilah tanggungjawab yang harus kugalas. Dalam keadaan yang genting sebegini, aku harus mara ke hadapan dan berbuat sesuatu, bukan menyerah dan mundur ke belakang. Allah menguji aku kerana Dia tahu aku mampu melakukannya. Ya!

Peluh membasahi dahiku.

“Maha Suci Allah, Kau bantulah hambamu yang lemah ini ya Allah..”

“Daw Aye, kita mahu tolong *you* beranak. Sekarang *you* ikut apa kita cakap, ok?”

Daw Aye mengangguk laju seperti dia benar-benar faham apa yang aku sampaikan.

“Bila *contraction* datang, bukak kaki, angkat kepala, tengok perut. Dua-dua tangan pegang *you* punya pergelangan kaki kemudian tarik nafas dalam-dalam. Tahannn....*and then push* panjang-panjang dalam kiraaan 10 saat ok?”

Aku cuba memberi arahan dalam bahasa mudah, diikuti dengan beberapa isyarat tangan. Ibu muda ini kelihatan terlalu keliru. Sewaktu *contraction*-nya datang, beliau menjerit sekuat hati. Tiada satupun arahanku diikuti.

“Ahh!! Ahh!! Sakit!! Sakit!!”

“Daw Aye jangan jerit! Lagi awak jerit, lagi awak penat! Nanti takde tenaga nak *push!*” Kak Ruby pula meninggikan suara.

“Pegang kaki, angkat kepala, tengok perut! Tarik nafas dalam dalam... simpan! Teran panjang-panjang! Teran macam teran berak!” Aku menyambung saranan Kak Ruby.

Muka Daw Aye merah dan itu tandanya teknik menerannya salah. Kalau muka pesakit merah, maksudnya dia tidak meneran di ‘bawah’ tetapi mereka meneran hanya di muka. Sia-sia sahaja usaha dan tenaga yang digunakan kerana teknik yang salah tidak akan menyebabkan kepala bayi turun ke bawah.

* * * *

Lima belas minit telah berlalu. Alhamdulillah, walaupun mengalami kesulitan namun kepala bayi sudah keluar. Aku hanya perlukan sedikit sahaja lagi usaha daripada si ibu untuk meneran supaya aku dapat 'melepaskan' bahu si anak.

Daw Aye menghentak-hentak kepalanya ke bantal. Kakinya menendang-nendang rawak sehingga terkena Kak Siah; pembantu kesihatan. Dia menjerit-jerit sepertinya sudah tidak mampu lagi untuk menempuh fasa sengsara ini. Jeritannya diselang-selikan dengan tangisan seperti anak kecil yang merengek-merengek meminta perhatian. Keadaan dalam lif yang sempit itu memberi tekanan luar biasa pada kami semua. Kak Ruby dan Kak Siah cuba untuk menenangkan Daw Aye dengan menahan kakinya daripada 'meliar', namun agak sukar untuk melawan tenaga ibu muda ini yang sedang bertarung dengan kesakitan.

"Sikit lagi Daw Aye, sikit lagi!! Jangan tendang-tendang macam ni! Tolong saya keluarkan bahu baby!"

Aku memusingkan kepala bayi yang sudah tersengkak di *perineum*¹⁰. Perlahan-lahan aku meletakkan jariku di tengkuk bayi, bersedia untuk tarik bila *contraction* datang nanti.

"Bila *contraction* datang, *you* teran panjang-panjang dalam kiraan sepuluh ya?"

Aku mengambil satu langkah ke belakang dengan kekudaku sedikit dibuka untuk mendapatkan lebih kestabilan. Tangan bersedia di tengkuk bayi menunggu kontraksi. Mataku memandang tepat ke perut Daw Aye, menunggu signal kontraksi sambil mulut terkumat-kamit dengan selawat. Gabungan kekuatan tangan, kaki dan jiwa diperlukan sepenuhnya untuk menghasilkan satu tenaga bagi menyambut kelahiran khalifah Allah ke muka bumi ini.

"Sakitttttttt ahhhh!!!!!"

"Ok, *push now!!!*"

¹⁰Perineum: kawasan di antara kemaluan dan bukaan anus



Daw Aye meneran sekuat-kuat hati sambil terus menghentak-hentakkan kepalanya ke bantal lagi. Tangannya menepuk-nepuk tilam dan teriaknya dalam ruang lift yang sempit itu memberi gema yang agak menakutkan, lebih-lebih lagi jika dapat didengar dari luar. Lencun baju kami semua dengan peluh yang tak berhenti-henti keluar. Kaki Daw Aye menendang dengan agresif apa sahaja yang berdekatan tanpa dihiraukan suara-suara kami yang memintanya mengawal pergerakan.

Dan ketika itu..

Ketika itu..

Tendangan kaki kanannya yang cukup kuat hinggap ke perutku sewaktu aku sedang menarik bayinya keluar.

Aku jatuh terjelopak di bucu lantai lift.

“Doktorrrr !!!!!!”

Sakit.. Senak.. Pedih... Semua jenis rasa sakit bercampur-baur. Aku dapat merasakan rahimku mengeras dan di celahan pehaku mengalir lelehan cecair panas.

“Allahu..Allahu jangan...”

Duniaku gelap..

Mataku berpinar..

Telingaku berdesing dan tidak dapat mendengar apa-apa..

Darah panas semakin deras mengalir keluar dari celahan peha..

Degupan jantungku dari laju kini seperti berhenti tiba-tiba.

“Allah, selamatkan kandunganku...”

* * * *

DR. ANWAR FAZAL

DIAGNOSIS
APOKALIPS

Kilat sabung-menyabung dan guruh berdentum bersahut-sahutan
menyentak lamunan.
Luruan hujan yang turun persis tujahan peluru mortar yang kebingungan
tidak ketahuan mana awalan atau akhiran.
Halus sapaan Tuhan mahu bertanya khabar iman.

Kata environmentalis, ini kesan rumah hijau,
walhal dari fakta-fakta yang dihurai itu hanya sedikit yang ambil hirau.
Selagi bukan empunya diri ditimpa bencana, mengapa perlu galau?

Itu kita.
Penghuni zon selesa yang akan terjaga hanya bila kita sendiri yang terbenam
dalam air bah yang menggila.

Cerita Nuh, Luth, Syua'ib, Kaum Tsamud, Fir'aun & Qorun, Kita lupa dan
menganggap hanya dongengan semata-mata.

Sebelum dibaca tinta ini, baca dulu tintaNya ini.

"Patutkah penduduk negeri-negeri itu merasa aman daripada kedatangan
azab Kami kepada mereka pada malam hari, semasa mereka sedang tidur?
Atau patutkah penduduk negeri itu merasa aman daripada kedatangan azab
Kami kepada mereka pada siang hari, semasa mereka leka bermain-main?"
(7:97-98)

Jadi, "Ke mana mahu lari?"

Moga saat kamu tamat membaca buku ini, kamu bisa menjawab
dengan tenang hati,
"Pada Illahi"

White Coat
www.whitecoat.com.my

ISBN 97896711307328



9 789671 307328

RM 25.00